dapatlah menumpukan sepenuh usaha dan tenaganya, bagi mempastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek dan rancangan-rancangan, serta mempastikan pencapaian matalamat dan tujuan setiap dasar dan program yang dilaksanakan itu.

13. Oleh itu, setiap pemimpin dari ahli Parti Pesaka Bumiputra Bersatu, mestilah menunaikan peranan dan tugas masing masing, bagi menjamin supaya perpaduan, bukan sahaja wujud di kalangan ahli partinya, ~~dan seterusnya~~ atau di kalangan ahli parti-parti anggota Barisan Nasional, bahkan perpaduan ini hendaklah terjalin dengan eratnya di kalangan rakyat. Inilah faktur utama dan kewajipan kita, bagi menjamin masa depan yang lebih cemerlang bagi ~~parti kita dan~~ Barisan Nasional dan parti² anggotanya, serta ~~bagi~~ menjamin kemajuan, kemakmoran, kebahagian dan keamanan bagi rakyat dan negara.